

# PM hairan tiada bandar baru di Terengganu

BH 1-8 MAY 2002

Oleh Zulkofli  
Jamaludin dan  
Saidon Idris

KERTIH, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hairan kerana Terengganu masih tidak memhangun, sedangkan berpuluh bilion sudah dilaburkan dalam industri petroleum dan gas di sini.

Perdana Menteri berkata, keadaan kampung, rumah serta restoran masih seperti dulu, dan tiada pelaburan untuk membuka bandar baru atau mengadakan perniagaan.

Beliau berkata, keadaan itu jauh berbeza berbanding pembangunan sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, Selangor.

"Kalau kita perhatikan apabila kita buka KLIA, tumbuh bandar-bandar baru. Begitu juga apabila kita buka Putrajaya dan Cyberjaya, bandar seperti Puchong dan Serdang pesat membangun.

"Bandar-bandar ini pesat membangun dan banyak perniagaan serta perusahaan. manakala pen-

uduk dan kegiatan ekonomi bertambah dengan begitu pesat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kompleks Industri Petroleum Petronas (KIPP) di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir meminta usahawan tempatan niengambil peluang daripada stok sokongan industri petroleum negara untuk menceburi sektor petrokimia.

Perdana Menteri berkata, usahawan industri kecil dan sederhana perlu merebut peluang itu yang disediakan kerajaan kerana kos membuka kilang di Pantai Timur adalah rendah.

"Peluang untuk ahli perniagaan meneroka perniagaan pembuatan hiran petrokimia hanya dibatasi oleh halangan yang diletakkan oleh mereka sendiri.

"Projek petroleum di Kertih menyediakan bahan utama untuk industri plas-

tik, kimia dan petrokimia," katanya.

Beliau berkata, KIPP kini menjadi contoh kejayaan hebat yang dicapai dalam usaha perindustrian negara yang dipelopori melalui usaha Petronas memajukan sumber minyak dan gas sejajar dengan pelan strategik kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, adalah menyedihkan jika usahawan tempatan masih kurang berminat melabur di Kertih, sedangkan kawasan ini menjadi tarikan utama pelabur asing dalam industri pembuatan baru.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bukanlah sebuah negara pengeluar minyak petroleum yang besar tetapi berjaya menjadikan industri petroleum sebagai satu penggerak utama pembangunan ekonomi serta negara.

"Kita sudah berjaya membuktikan bahawa dengan perancangan jangka panjang dan dedikasi, kita mampu merealisasikan wawasan pembangunan negara untuk faedah semua," katanya.

Beliau berkata, syarikat minyak kebangsaan di ne-

gara pengeluar minyak hanya mengehendkan kegiatan mereka kepada pungutan hasil perkongsian pengeluaran dengan syarikat asing, tetapi Malaysia berjaya membangunkan industri petroleum untuk faedah rakyat dan negara.

"Petronas berjaya mengembangkan sayapnya hingga beroperasi di 27 negara - mencari gali minyak, mengeluarkannya, membangunkan sistem paip beribu batu, memasar secara pukal dan runcit.

"Petronas juga membangun industri petrokimia dan mengadakan khidmat kebajikan di negara ia beroperasi serta memiliki dan mengendalikan syarikat perkapalan yang terbesar di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, Petronas berjaya memperkukuhkan daya saing Malaysia serta menarik pengusaha utama industri yang berasaskan petrokimia untuk menjalankan operasi di Kertih.

Katanya, sejak 1980 sebanyak RM70 bilion dilaburkan untuk mencari gali, membangun dan pengeluaran minyak dan gas di luar

pantai Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata, tahun lalu hasil daripada eksport minyak dari Kertih berjumlah RM60 bilion, manakala

eksport minyak bertapis bernilai RM2.5 bilion.

Dr Mahathir berkata, eksport produk petrokimia daripada loji di Kertih pula menghasilkan tukaran

asing berjumlah RM500 juta manakala import untuk menghasilkan pengeluaran ini hampir RM1 bilion.

"Produk daripada KIPP

dieksport ke pasaran dunia dan domestik. Tahun lalu eksport petroleum dan petrokimia dari Kertih berjumlah RM7.9 bilion," katanya.